

# AGAB 2021

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Peridot Max Atria Singapore Expo  
Sabtu, 6 November 2021



# Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

## Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Arif Budiman ialah visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dan anugerah ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

# Takrif ‘Arif Budiman’

‘Arif Budiman’ bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan memamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

## Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan pada setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 64 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

<b>Tahun</b>	<b>Nama Guru</b>	
2007	Mohd Naim Daipi Ishak Abdul Latiff	Elmi Zulkarnain Osman Nur Ashikin Sapri
2008	Salina Hussin Mohd Khir Sapuan	Sazali Sahri Abdul Malek Ahmad
2009	Halimatussa'diah Jaffar Haryati Surana	Azyanti Mohd Mudakir Noraishah Mostapa
2010	Muliana Mohammad Nurisham Ismail Norashikin Abdul Hamid	Hafsaah Mohd Kassim Haniza Abdul Manan
2011	Aryanti Sukaimi Farizan Md Amin	Salha Mohamed Hussain
2012	Safidah Samsudin Massuniza Ismail	Supandi Djoeraemi Muslim Hanafiah
2013	Norwati Sulaiman Rasidah Mohd Rasit Nazarudin Abdul Bakar	Rashidah Rajah Effendy Ahmadi Muhammad Irwan Jamal
2014	Azizah Shaik Abdul Kadir Zaleha Ahmad Yahida Yahya	Ridzuan Ibrahim Nuraina Mohamed Sin Nurbayah Ismail
2015	Norazlina Abdul Jalil Nurisha Hamid	Nur'Abidah Abdul Rahman Marliana Mohd Rashid
2016	Norafizah Shariff Rashidah Abdullah	Azah Binte Abdul Aziz Azhar Abdul Rashid Siti Zainab Zainal
2017	Dr. Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz Djohan Abdul Rahman Mohd Jamalludin Mohd Affandi	Fauziah Mohamed Ata Nurhiza Mohamed
2018	Rita Zarina Mohd Nazeer Roslie Buang Sidik Mohd Zareen Mohd Shariff	Amirul Asri Hussin Khairyanie Kamsani
2019	Arfah Buang Siti Mariam Manshor Sabrina Samsuri	Muhammed Andi Mohammed Zulkepli Nurhafeza Hanem Abdul Azal Norasiken Mohamed Noor
2020	Elna Hussin	Nur Syahirah Sa'adon Siti Rohani Hanim Selamat

# Jawatankuasa Penganjur AGAB 2021

Anugerah Guru Arif Budiman 2021 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2021 terdiri daripada:

Pengerusi Bersama	Profesor Madya Mohd Mukhlis Abu Bakar (MBMS) Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM) Encik Mohd Saat Abdul Rahman (BH) Puan Salbiah Abas (MLLPC)
Anggota	Cik Rita Goh (MBMS) Encik Muhd Fahmi Hazmi (MBMS) Encik Esfan Rizal Rahwom (PGBM) Encik Roslie Buang Sidik (PGBM) Encik Taufek Siniwi (PGBM) Cik Nur Fathin Awalludin (BH) Puan Noor Azimah Mohd Haad (MLLPC) Puan Dewi Mohamed (MLLPC) Puan Farrah Mohamed Ghazali (MLLPC) Encik Suhaimi Sahmat (MLLPC) Encik Iskandar Shah Abu Bakar (MLLPC) Puan Nuraishah Mohd Isa (MLLPC) Cik Hariyati Hairom (MLLPC)



Berita Harian







# Sekapur Sirih



**Profesor Madya  
Muhammad Faishal Ibrahim**

Menteri Negara (Kementerian Ehwal Dalam Negeri & Kementerian Pembangunan Negara)  
Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura  
(MBMS)

**Encik Wan Imran  
Mohamed Woojdy**

Presiden, Persatuan Guru Bahasa Melayu  
(PGBM)



**Ucapan tahniah kepada  
daripada badan-badan**



**Encik Mohd Saat Abdul Rahman**

Editor, Berita Harian (BH); dan  
Presiden, Majlis Ugama Islam Singapura  
(MUIS)

**Dr Mohamad Maliki Osman**

Menteri di Pejabat Perdana Menteri;  
Menteri Kedua (Kementerian Pendidikan  
dan Kementerian Ehwal Luar); dan  
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan  
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu  
(MLLPC)



**penerima AGAB 2021**  
**penyokong AGAB 2021**

# Prakata



**Profesor Madya Mohd Mukhlis  
Abu Bakar**

Ahli

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)



**Encik Abdul Harris Sumardi**

Naib Presiden

Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM)



**Encik Mohd Saat Abdul Rahman**

Editor

Berita Harian (BH)



**Puan Salbiah Abas**

Ahli

Jawatankuasa Pembelajaran dan  
Penggalakan Penggunaan Bahasa  
Melayu (MLLPC)

Tahun ini merupakan tahun ke-15 anugerah ini diadakan semenjak tahun 2007. Sejauh ini, anugerah ini telah mengiktiraf sebanyak 64 orang guru. Akan bertambah lagi guru AGAB dengan penganugerahan tahun ini. Berpaksikan visi Arif Budiman, guru-guru AGAB mendukung amanah sebagai peneraju bahasa, nara sumber dan penyumbang kepada masyarakat melangkaui konteks sekolah. Guru-guru AGAB memainkan peranan yang penting dalam mencerminkan sifat Arif Budiman – pengamal bahasa yang cemerlang, berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera serta sedia menabur bakti.

Sebagai insan yang cekap dan berilmu pengetahuan, sumbangan guru-guru AGAB dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu harus diteladani. Walaupun dihambat situasi COVID-19, guru-guru ini bijak mengemudi dalam suasana yang tidak menentu agar penerokaan ilmu tidak terbatas dan pembelajaran tetap berjalan lancar menembusi sempadan sebuah bilik darjah. Giat bereksperimentasi dengan pelbagai wadah, guru-guru AGAB mempunyai wawasan dan semangat jitu untuk membentuk golongan Melayu baharu yang kreatif dan berinovatif.

Peranan guru Bahasa Melayu bukan sahaja sebagai pendidik tetapi sebagai suri teladan yang tidak jemu menyemai nilai-nilai murni dalam diri pelajar-pelajarnya. Guru-guru bahasa Melayu merupakan pemangkin pembentukan watak yang membentuk tingkah laku dan jati diri pelajar sebagai seorang anak Melayu. Guru-guru yang arif juga giat menabur bakti kepada masyarakat. Sumbangan sebeginilah yang dapat memberikan sentuhan dan impak yang positif kepada masyarakat.

Teruskanlah berjuang demi melestarikan bahasa, menjunjung budaya dan mencorak masa depan nusa dan bangsa. Dikaulah guru Arif Budiman, aspirasi zaman berzaman.

# Arca AGAB 2021



Arca Anugerah Guru Arif Budiman 2021 berilhamkan daun sirih yang merupakan simbol kebudayaan masyarakat Melayu. Sirih, melambangkan sifat rendah diri, kesantunan dan kemuliaan seperti yang diperhatikan pada pepohon sirih yang tumbuh menjalar dan memanjat tanpa merosakkan perumahnya. Semestinya, nilai-nilai murni ini mencerminkan sifat penerima Anugerah Guru Arif Budiman.

Pada tahun ini, seramai 8 bekas penerima AGAB bergabung tenaga untuk menghasilkan Arca AGAB 2021 di bawah bimbingan Encik Dexter Sim, guru Rekaan dan Teknologi dari Sekolah Menengah Westwood. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha penerima-penerima AGAB untuk menyumbang kepada masyarakat. Penerima-penerima AGAB telah menghasilkan dedaun sirih daripada tanah liat yang disatukan untuk membentuk sebuah arca. Tindanan dedaun sirih ini melambangkan nilai-nilai murni, kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial serta ilmu pengetahuan. Penyepaduan ciri-ciri ini mencipta keperibadian utuh seorang guru Arif Budiman yang menjadi teladan dan inspirasi kepada masyarakat.

Dikau perangsang dikau teladan  
Perkukuh nilai perkasa minda  
Dikaulah aspirasi zaman berzaman  
Memartabat jati diri nusa bangsa

# Ilham Kreatif Arca AGAB 2021



**Encik Dexter Sim Yu Min**  
Guru Rekaan dan Teknologi  
Sekolah Menengah Westwood



Guru-guru AGAB telah bantu menghasilkan  
arca-arca bagi AGAB 2021

# Penerima & Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2021

## Kategori Perangsang



(Dari kiri ke kanan)

Cikgu Nor Azlin Binte Abdul Aziz (Penerima AGAB 2021)

Cikgu Nur Shiqah Binte Hashim (Finalis AGAB 2021)

Cikgu Shahedah Bte Salim (Penerima AGAB 2021)

Cikgu Mardhiah Binti Mohamed Said (Finalis AGAB 2021)

## Kategori Teladan



(Dari kiri ke kanan)

Cikgu Manisah Bte Osman (Penerima AGAB 2021)

Cikgu Zulhafiz Bin Zainal (Penerima AGAB 2021)

Cikgu Abdul Khalik Bin Saidin (Finalis AGAB 2021)

Cikgu Mohd Fuad Bin Salim (Penerima AGAB 2021)

# Dikau Guru Arif Budiman

## Sempena Sambutan AGAB ke-15 Tahun

Nyanyian: Syah Riszuan

Seni Kata: Abdul Harris Sumardi, Tajudin Jaffar dan Zafilin Abdul Hamid  
Susunan Lagu: Djohan Abdul Rahman dan M Ilyia (Meraqi Studios)

Dikaulah Guru Arif Budiman  
Dikau perangsang dikau teladan  
Pejuang lestari bahasa  
Menjunjung budaya bangsa  
Kemudi pelbagai peran  
Mencorak masa depan watan

Mengasuh menuntun  
Membimbing menghibur  
Bijak menyusun, tekun mengatur  
(Demi nusa demi bangsa  
demi nusa bangsa)

Sumbangan jelas ketara  
Perkukuh nilai perkasa minda  
Hingga menggapai puncak sejahtera

Pengorbananmu tanpa jemu  
Perjuanganmu jitu sepadu  
Dikau Guru Arif Budiman  
Aspirasi zaman-berzaman



# Kategori Perangsang

Penerima



**Cikgu Nor Azlin Binte Abdul Aziz**

Sekolah Rendah Blangah Rise

# **Cikgu Nor Azlin Binte Abdul Aziz**

Sekolah Rendah Blangah Rise

## **Pengalaman Mengajar**

Sekolah Rendah Blangah Rise merupakan tempat permulaan saya sebagai seorang guru sepenuh masa. Kini, saya berpeluang untuk mendukung peranan sebagai koordinator unit Bahasa Melayu. Sewaktu mengajar di sekolah, saya juga mengimbangi masa untuk melanjutkan pelajaran saya di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) secara sambilan selama empat tahun dalam bidang Bahasa dan Kesusteraan. Sepanjang pengajian saya di SUSS, nama saya tersenarai dalam senarai dekan untuk dua semester berturut-turut.

Sepanjang enam tahun saya mengajar, saya telah meraih pengalaman mengajar Bahasa Melayu dan Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) bagi semua peringkat, dari darjah satu hingga darjah enam. Saya berpeluang untuk membimbing murid-murid Darjah Enam Standard selama setahun dan murid-murid Darjah Enam Asas selama dua tahun berturut-turut.

Sekolah saya menekankan kepentingan penggunaan ICT untuk menambah nilai pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru, saya menggunakan bahan-bahan ICT untuk menarik minat, mengekalkan fokus dan sebagai alat penilaian formatif. Secara peribadi, saya gemar menggunakan bahan ICT sebagai alat penilaian formatif kerana saya dapat memberikan maklum balas kepada murid-murid semasa pengajaran di dalam bilik darjah dan sekaligus memeriksa dan membetulkan pemahaman murid-murid tentang perkara yang telah saya ajarkan.

Minat saya terhadap tarian dan muzik telah saya aplikasikan di sekolah dengan mencipta gerak-geri tarian untuk persembahan Hari Raya dan pertandingan ‘Dreamshop’, sebuah pertandingan yang menggalakkan murid-murid untuk menggunakan bahasa Melayu dalam situasi berjubel-beli. Saya juga menggunakan irama muzik yang disukai murid-murid dan menggubah liriknya untuk menarik minat murid-murid terhadap kelas Bahasa Melayu, sekaligus memperkaya kosa kata bahasa Melayu mereka.

Saya juga mendukung peranan sebagai koordinator Program Pertuturan Bahasa Cina dan Melayu (CCM). Disebabkan jumlah pelajar yang sedikit, pihak sekolah tidak berjaya untuk mendapatkan sebarang vendor untuk menjalankan program ini. Justeru, saya berpeluang untuk mengajarkan Bahasa Melayu kepada murid-murid berbangsa Cina dan India.

## **Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya**

Antara cabaran yang saya hadapi di sekolah ialah masalah ketidakhadiran murid yang berpanjangan. Murid-murid ini ketinggalan dalam pelajaran dan ini menjelaskan prestasi mereka di dalam kelas. Oleh itu, saya perlu bekerjasama dengan guru lain, kaunselor dan ibu bapa untuk menggalakkan murid agar hadir ke sekolah dengan kerap. Saya juga cuba mendekati diri mereka untuk memahami situasi mereka dan menjalinkan hubungan yang kukuh antara guru dan murid. Selain itu, saya juga melawat ke rumah mereka untuk berkomunikasi dan bekerjasama bersama ibu bapa mereka untuk mencari jalan penyelesaian bagi mendapatkan anak mereka untuk menghadiri sekolah secara konsisten. Sekolah saya juga mengadakan program khas selepas sekolah untuk murid-murid sebegini agar mereka seronok hadir ke sekolah. Untuk mengukuhkan lagi hubungan guru dan murid, saya juga akan turut serta bermain ‘Captain’s Ball’ bersama mereka.

Terdapat juga segelintir murid darjah satu yang belum kenal huruf kerana tidak menghadiri kelas tadika. Justeru, usaha dan perhatian yang lebih perlu disalurkan kepada murid-murid ini agar mereka dapat mengenal huruf dan sekaligus belajar membaca suku kata. Saya sering menggunakan lagu dan video untuk mendedahkan mereka dengan huruf dan suku kata kerana saya berpegang teguh kepada prinsip bahawa untuk mencapai kemahiran menulis, seseorang pelajar perlu mempunyai kemahiran mendengar dan bertutur yang baik dahulu. Oleh itu, saya percaya, dengan mendedahkan murid-murid darjah satu dengan video-video huruf dan suku kata, mereka dapat bernyanyi seiringan lagu. Jika dilakukan dengan kerap, murid dapat mengingatnya dengan penuh dan hal ini membantu murid untuk mengecam huruf dan suku kata.

Ada juga golongan murid yang tidak mahir bertutur dalam bahasa Melayu kerana mereka menggunakan bahasa Inggeris di rumah dan segolongan lagi murid bukan berbangsa Melayu tetapi mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Di kelas, saya menggalakkan mereka untuk banyak berbual dalam bahasa Melayu. Sungguhpun susah dan terdapat ayat yang dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris, saya ingin melihat usaha mereka membiasakan diri bertutur dalam bahasa Melayu. Perkataan yang disebut dalam bahasa Inggeris akan saya terjemahkan dalam bahasa Melayu agar mereka tahu maknanya. Saya juga mendapatkan murid-murid ini untuk menuliskan kosa kata baharu yang dipelajari di dalam buku bahasa mereka.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Detik paling manis ialah apabila seorang murid yang sudah melangkah ke sekolah menengah, melawat saya di sekolah. Dia membawa buah tangan untuk saya. Saya amat tersentuh dengan niatnya kerana katanya, ia adalah tanda penghargaannya kepada saya kerana telah mengajarnya bahasa Melayu.

Sejujurnya, saya tidak pernah mengharapkan apa-apa daripada murid-murid saya, apatah lagi hadiah. Justeru apabila saya menerima buah tangan daripada bekas murid saya, saya benar-benar rasa tersentuh. Ini menunjukkan usaha saya dan guru-guru lain untuk menerapkan nilai dalam diri murid-murid ada kesan positifnya.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Saya berharap murid-murid saya tidak akan pernah mengenal erti putus asa dalam mengecapi impian mereka. Mengecapi sebuah impian bukanlah mudah. Ia merupakan sebuah proses yang akan menduga kita. Nasib seseorang dalam mengecapi sebuah impian berbeza-beza. Ada yang dapat mengecapinya dengan mudah, namun ada yang perlu mengharungi banyak cabaran sebelum berjaya mengecapi impian itu. Saya berharap jika murid-murid saya diuji untuk mengharungi lebih banyak cabaran daripada individu yang lain, mereka tidak akan membanding-bandinkan nasib mereka. Sebaliknya, mereka harus tekal dan berdaya bingkas. Ini kerana setiap cabaran yang diharungi akan membentuk kita untuk menjadi insan yang lebih baik. Adakalanya, pengalaman yang pahit itu perlu, agar kita dapat menikmati pengalaman yang lebih manis pada masa hadapan.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Pada pengertian saya, Arif bermaksud seseorang yang luas pengetahuannya manakala Budiman bermaksud seseorang yang sentiasa merendah diri dengan setiap pencapaiannya, menunjukkan nilai-nilai murni dalam setiap perlakunya dan menunjukkan kesantunan dalam tutur bicaranya. Seseorang yang dianggap Arif Budiman merupakan seorang yang bukan hanya akan berkongsi ilmu pengetahuannya kepada orang lain, malah akan sentiasa mendahagakan ilmu dan meraih sebanyak ilmu yang mungkin, sejajar dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai peribadi yang murni dan selalu ingin menabur budi kepada orang lain.



# Kategori Perangsang

Penerima



**Cikgu Shaheda Bte Salim**  
Sekolah Rendah Perempuan Raffles

# **Cikgu Shaheda Bte Salim**

Sekolah Rendah Perempuan Raffles

## **Pengalaman Mengajar**

Sekolah Menengah Shuqun merupakan titik mula saya berkhidmat sebagai seorang guru permulaan. Selepas menamatkan pengajian di Institut Pendidikan Nasional (NIE), saya telah berkhidmat di sekolah tersebut selama 3 tahun (2016 – 2018) sebagai guru permulaan. Di sana, saya telah meraih pelbagai kemahiran dari sudut pedagogi, pengurusan di dalam bilik darjah dan juga hal-hal administrasi menerusi guru-guru mapan yang mengajar di situ. Saya juga berpeluang untuk membawa para pelajar ke luar negara sambil menimba ilmu menerusi Program Penyerapan ke Negeri Sembilan. Saya juga berkesempatan untuk membawa kohort Menengah 1 berdarmawisata ke Melaka. Selain bertugas sebagai guru Bahasa Melayu, saya juga ditugaskan untuk menjadi guru yang bertanggungjawab untuk mengelolakan kegiatan kokurikulum (CCA) bagi para pelajar yang berisiko tinggi. Melalui penglibatan saya dalam CCA tersebut, saya bertanggungjawab untuk merancang aktiviti-aktiviti yang berkesan bagi menarik para pelajar ini untuk terus melibatkan diri dalam CCA. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan merupakan aktiviti kemasyarakatan seperti lawatan ke Rumah Penjagaan Orang-orang Tua dan pemuliharaan pantai.

Pada tahun 2018, disebabkan Sekolah Menengah Shuqun merupakan salah sebuah sekolah yang perlu bergabung dengan sebuah sekolah menengah yang lain, saya telah membuat pilihan untuk berhijrah ke peringkat sekolah rendah memandangkan keperluan untuk mendapatkan khidmat guru sekolah rendah sangat tinggi pada waktu itu. Pada tahun 2019, saya telah memulakan khidmat sebagai seorang guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Perempuan Raffles (RGPS). Tahun ini merupakan tahun ke-3 saya berada di RGP. Pada tahun ini juga, saya telah menggalas tanggungjawab sebagai guru penyelaras Bahasa Melayu. Pastinya, tanggungjawab tersebut tidak mudah namun saya telah menyahut cabaran tersebut demi pembangunan diri saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Saya juga akan pastikan

## Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Memandangkan profil pelajar saya rencam, cabaran utama saya adalah untuk mengajar Bahasa Melayu tanpa perlunya sebarang terjemahan ke dalam Bahasa Inggeris. Pada tahun lalu, majoriti pelajar Darjah 1 saya merupakan pelajar bukan Melayu. Ramai antara mereka tidak menghadiri prasekolah yang mengajarkan Bahasa Melayu. Oleh itu, bagi peringkat awal tersebut, saya mengalami kesukaran untuk memberikan arahan yang mudah kepada mereka dalam Bahasa Melayu sepenuhnya. Malah, salah seorang pelajar Darjah 1 saya juga tidak mampu membaca secara kendiri.

Selain menggunakan bahan sokongan yang dihasilkan oleh pihak MLCS seperti Pakej Kad Bacaan, saya juga mendapatkan sokongan dan kerjasama ibu bapa untuk turut memberikan penekanan terhadap Bahasa Melayu semasa mereka berada di rumah. Hal ini penting kerana pendidikan di sekolah sahaja tidak mencukupi bagi seseorang pelajar itu menguasai kemahiran berbahasa Melayu. Saya bersyukur kerana para ibu bapa sangat proaktif dan sudi memberikan kerjasama untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu anak-anak mereka. Bagi saya, cara untuk menangani situasi sedemikian adalah dengan menyuntik rasa cinta terhadap Bahasa Melayu. Dengan menerapkan Joy of Learning di dalam bilik darjah, para pelajar akan dengan sendirinya terdorong untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu mereka tanpa perlu dipaksa.

Saya juga mengalami kesukaran untuk menyampaikan unsur budaya Melayu kepada mereka. Mereka tidak dapat memahaminya kerana budaya Melayu bukanlah amalan mereka. Saya pernah ditanyakan oleh seorang pelajar Darjah 1 bukan Melayu, sebab watak Pak Pandir dikemukakan di dalam buku Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) kerana dia berpandangan bahawa watak tersebut tidak memberikan pengajaran selain menggambarkan kebodohan. Namun, saya telah mengambil peluang itu untuk menerangkan kepadanya agar dia lebih memahami tujuan sebenar cerita tersebut diangkat sebagai cerita yang mempunyai nilai pengajaran. Penerangan ini sangat penting kerana kita tidak mahu pelajar, terutama yang bukan Melayu, mempunyai tanggapan yang negatif tentang budaya Melayu.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Sejujurnya, saya mempunyai pelbagai kenangan manis selama saya berkhidmat sebagai seorang guru. Namun, detik paling manis buat saya adalah semasa saya berjaya membimbing sekumpulan pelajar berisiko tinggi untuk mewakili sekolah dalam sebuah pertandingan peringkat nasional. Tugas itu merupakan pengalaman saya yang pertama, sebagai guru permulaan tahun pertama, membimbing pelajar bagi sesebuah pertandingan peringkat nasional. Tugas tersebut pastinya berat kerana saya tiada sebarang pengalaman. Namun, guru-guru yang pernah berkhidmat dalam CCA tersebut banyak berkongsi ilmu dan itu penting buat saya.

Pada awalnya, para pelajar tidak ada keyakinan langsung untuk mewakili sekolah kerana mereka mengatakan bahawa mereka tidak pernah memenangi sebarang anugerah walaupun mereka sudah bersusah-payah membuat segala persiapan. Saya terpukul dengan kata-kata para pelajar itu. Ia memberikan saya satu semangat untuk membuktikan kepada mereka bahawa usaha mereka pastinya tidak akan sia-sia. Saya cuba menyakinkan mereka bahawa mereka akan menang pada tahun itu.

Saya serta guru-guru yang lain berganding bahu untuk membimbing mereka serta memastikan bahawa mereka tidak pulang dengan tangan kosong pada tahun tersebut. Berbulan-bulan mereka membuat persediaan sebagai satu pasukan. Saya bersama-sama guru yang terlibat dalam CCA ini juga membantu menguar-uarkan kepada tenaga kerja sekolah untuk datang ke reruai mereka dan memberikan sokongan moral kepada mereka. Para pelajar teruja ketika mereka melihat guru-guru serta pengetua sekolah turun padang untuk memberikan sokongan mereka. Saya sangat bangga melihat penglibatan sekolah dalam memberikan sokongan mereka. Ternyata, usaha para pelajar saya berhasil. Apabila nama 'Sekolah Menengah Shuqun' diumumkan buat kali pertamanya sejak pertandingan itu diadakan beberapa tahun yang lalu, saya berasa bersyukur. Kami merangkul tempat kedua. Bukan itu sahaja, mereka juga meraih anugerah sekolah yang menerima undian terbanyak. Saya tidak dapat melupakan raut wajah para pelajar saya yang terkejut dan tergamam. Mereka tidak sangka akan menang kerana sudah bertahun-tahun mereka menyertai pertandingan sedemikian namun hampa dan sering pulang dengan tangan kosong. Selain mengotakkan janji saya, saya hanya ingin buktikan kepada mereka bahawa jelaslah usaha itu tangga kejayaan.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Harapan saya adalah untuk melihat kejayaan para pelajar saya dalam apa-apa jua bidang yang diceburi oleh mereka. Saya berharap agar mereka akan terus mencintai ilmu, menyemai nilai-nilai murni yang telah diajarkan di sekolah dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Saya berharap mereka menjadi orang yang berbakti kepada masyarakat dan sentiasa mencari peluang untuk menabur budi di mana-mana sahaja mereka berada.

Sebagai seorang pendidik, saya harap agar saya tekal bersemangat dan ikhlas dalam mendidik para pelajar saya sehingga mencapai kecemerlangan yang diingini.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Bagi saya, konsep ataupun takrifan arif budiman sangat akrab dan dapat saya kaitkan dengan peribahasa yang menjadi falsafah kehidupan saya selama ini iaitu ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin menunduk. Seseorang yang mempunyai visi arif budiman pastinya sentiasa mendahagakan ilmu dan berwawasan tinggi namun tetap mempunyai tutur bicara yang disulami dengan kata-kata hikmah yang penuh hemah serta tingkah laku yang memaparkan kesantunan orang Melayu. Selain itu, dalam keadaan dunia yang kian berubah-ubah, seseorang guru yang mendukung visi ini harus bersikap anjal dan berani mencuba sesuatu yang baharu yakni mampu keluar daripada kepompong keselesaan mereka.



# Kategori Teladan

Penerima



**Cikgu Manisah Bte Osman**  
Sekolah Rendah Yio Chu Kang

# **Cikgu Manisah Bte Osman**

Sekolah Rendah Yio Chu Kang

## **Pengalaman Mengajar**

Pengalaman menjadi guru selama 33 tahun telah memberi saya peluang untuk berkhidmat di Sekolah Rendah Jagoh pada tahun 1988 sebelum berpindah ke Sekolah Rendah Teck Ghee pada 1989. Setelah mengajar selama hampir 15 tahun di Sekolah Rendah Teck Ghee, saya diberikan peluang menjadi Pegawai Perancang Kurikulum di CPDD selama 4 tahun sebelum kembali mengajar di Sekolah Rendah Coral. Kini, saya mengajar di Sekolah Rendah Yio Chu Kang.

Bermula sebagai guru Bahasa Melayu; kemudian menjadi Guru Penyelaras; Pegawai Perancang Kurikulum; Ketua Subjek dan kini sebagai Guru Kanan, saya berpeluang untuk melihat dunia pendidikan Bahasa Melayu daripada pelbagai perspektif. Kepelbagaian yang dinamik ini menarik, dan telah menambah nilai pemikiran dan kemahiran saya sebagai pendidik.

Sekolah Rendah Jagoh dan Sekolah Rendah Teck Ghee merupakan tempat saya mula menapak sebagai guru tahun pertama. Saya berpeluang mendewasa bersama murid-murid saya di sana. Sebagai guru penyelaras di Sekolah Rendah Teck Ghee, saya mengasah kemahiran mengajar dan meneroka pelbagai kaedah dan pendekatan mengajar untuk meningkatkan kebolehan akademik dan minat murid saya terhadap bahasa dan budaya Melayu. Saya memperkenalkan pelbagai kaedah pengajaran yang melibatkan pelibatan aktif murid melalui kerja projek berkumpulan; permainan tradisional; integrasi persempahan tarian; dan nyanyian dalam pembelajaran.

Pada tahun 2004, saya meneroka bidang perancangan dan pembangunan kurikulum bagi subjek Sivik dan Pendidikan Moral (CME) di CPDD. Saya belajar untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kurikulum dan pedagogi semasa bertugas di sana. Tugas sebagai pegawai perancang dan pembangunan kurikulum banyak membantu saya

untuk meningkatkan pengetahuan dan daya kreativiti untuk membuat hubung kait antara pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan pendidikan moral dan nilai-nilai murni.

Setelah empat tahun bertugas di CPDD, saya kembali ke sekolah dengan menjawat peranan sebagai Ketua Subjek (Partnership) di Sekolah Rendah Coral. Di sini saya berpeluang untuk menggunakan pengalaman bekerja di MOE untuk menjalin rangkaian kerja dengan para ibu bapa dan pertubuhan-pertubuhan luar sekolah.

Namun, kerana minat dan cinta yang mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, saya pun mengambil keputusan untuk berhijrah ke Sekolah Rendah Yio Chu Kang dengan memikul tanggungjawab sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil selama lima tahun. Kini, saya berperanan sebagai Guru Kanan Bahasa Melayu sejak tahun lalu.

Sekolah Rendah Yio Chu Kang benar-benar memberi saya peluang untuk meneroka pelbagai cara untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di kedua-dua peringkat, iaitu murid dan juga guru. Saya menggembangkan pengalaman dan pengetahuan guru-guru muda di sekolah ini. Kami bersama-sama membangunkan pelbagai program penguasaan bahasa dan pengetahuan budaya Melayu untuk murid-murid kami.

Saya juga memimpin guru-guru untuk merancang dan membuat penyesuaian kurikulum dan program Bahasa Melayu khusus untuk profil murid sekolah kami. Program Dwimingga Bahasa Ibunda yang berfokus kepada estetika bahasa dan estetika budaya memberikan pendedahan kepada murid-murid tentang keindahan bahasa Melayu melalui pembelajaran sastera Melayu dan keindahan budaya Melayu melalui aktiviti gerak kerja dan lawatan ke tempat-tempat menarik seperti Taman Warisan Melayu, Bukit Chandu dan Kampung Gelam.

Selain itu, saya juga menjalin kerjasama dengan Unit Bahasa Melayu CPDD untuk merintis Program Sokongan Bahasa Ibunda (MTSP) demi meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu murid *Low Progress* (LP) darjah 3. Pengalaman menerajui program ini telah memberikan kepuasan yang luar biasa buat saya. Kami telah meraih hasil yang positif.

Saya juga giat menyumbang kepada pembangunan profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu di sekolah ini melalui rangkaian kerjasama dengan guru-guru pakar di Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Pada setiap tahun, saya memimpin guru-guru Bahasa Melayu di sekolah saya untuk menjalankan kajian tindakan dan berkongsi dapatan kajian kami dengan para guru Bahasa Melayu dalam acara tahunan Seminar Bahasa Melayu anjuran MLCS. Pada setiap tahun juga murid dan guru sekolah kami akan menyertai program khas anjuran MLLPC seperti Fiesta Bahasa dan Projek Kesantunan.

## **Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya**

Cabaran utama saya sepanjang kerjaya tentulah cabaran berhadapan dengan profil murid yang semakin kurang terdedah dengan penggunaan bahasa Melayu di rumah. Hal ini menghambat pemahaman dan keberkesanan mereka untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu kerana penguasaan kosa kata mereka yang terhad. Namun begitu, minat mereka tidak akan terjejas sekiranya guru mengajar dengan kaedah-kaedah yang menarik dan melibatkan pelibatan aktif murid. Oleh itu, saya lebih cenderung untuk mengajak murid untuk sama-sama bergerak aktif di kelas melalui aktiviti gerak kerja, kerja berkumpulan dan penggunaan peranti seperti iPad.

Guru juga harus bersikap terbuka untuk memudah cara pembelajaran murid dengan sering berkomunikasi secara lisan dan sesekali menjelaskan makna perkataan yang tidak difahami mereka dalam bahasa Inggeris. Sikap terbuka sebegini perlu agar murid kurang mengeluh dan akhirnya hilang minat terhadap Bahasa Melayu kerana menganggapnya subjek yang sukar difahami. Mereka amat memerlukan peluang dan ruang untuk bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Hal ini boleh digalakkan sekiranya mereka dapat mengekalkan minat dan keterujaan murid semasa belajar.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Sejujurnya, detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru tentulah semasa mantan Menteri Pendidikan, Encik Lawrence Wong, melawat kelas Bahasa Melayu MTSP Darjah 3 saya pada tahun 2020. Namun, kehadiran seorang menteri di dalam kelas yang saya ajar itu bukanlah sebabnya. Sebaliknya, kenangan itu menjadi lebih manis kerana beliau menyertai sesi kelas yang dikhurasukan untuk menyokong pembelajaran kumpulan murid LP tersebut. Saya amat menghargai kesudian Encik Lawrence Wong untuk melakukan aktiviti yang telah saya sediakan bersama-sama sehingga beliau dapat memahami tujuan sebenar program MTSP itu dengan lebih jelas. Bahkan, lawatan beliau itu telah meningkatkan kesedaran ramai tentang usaha murni pihak Unit Bahasa Melayu CPDD dan sekolah dalam usaha menyokong pembelajaran murid-murid.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Saya berharap agar setiap guru Bahasa Melayu terus gigih menyediakan dan menjalankan amalan pengajaran yang bukan sahaja sejarah dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) tetapi menarik dan berkesan untuk menjadikan murid kita pengguna bahasa Melayu yang aktif dan cekap.

Saya berharap agar setiap guru Bahasa Melayu akan berjaya menanam dan mengekalkan rasa cinta murid terhadap bahasa dan budaya Melayu sehinggalah mereka menjadi golongan pelapis ahli cendekia bahasa dan budaya Melayu di Singapura pada suatu masa kelak.

Sekiranya ini terlaksana, golongan pelapis ini akan terus bergerak aktif melestarikan dan memasyarakatkan bahasa dan budaya Melayu sesuai dengan pesanan dalam pantun ini:

Di situlah letak padang pahlawan,  
Dekat dengan si taman bunga;  
Datuk Hang Tuah pernah berpesan,  
Takkan Melayu hilang di dunia.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Pada hemat saya, sebagaimana kurikulum Bahasa Melayu itu mempunyai visi untuk membentuk insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat, maka ciri-ciri sebegitu harus ada pada seorang guru Bahasa Melayu. Peribadi Arif Budiman ialah peribadi seseorang yang berilmu dan rajin menuntut ilmu sepanjang hayat. Peribadi Arif Budiman ialah seorang yang memiliki kemahiran berbahasa Melayu yang cekap dan fasih tentang budaya bangsanya. Peribadi Arif Budiman juga memiliki sikap yang berhemah tinggi dan sentiasa bersedia untuk menyumbang kepada kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat dan negara.



## Kategori Teladan

Penerima



**Cikgu Mohd Fuad Bin Salim**  
Sekolah Menengah Springfield

# **Cikgu Mohd Fuad Bin Salim**

Sekolah Menengah Springfield

## **Pengalaman Mengajar**

Meskipun sudah lebih daripada dua dasawarsa berkecimpung dalam dunia pendidikan dan perguruan, namun, pengalaman mengajar terhad hanya di 3 sekolah sahaja.

Setelah tamat pengajian di Institut Perguruan Nasional (NIE) pada tahun 1999, saya mula bertarikh sebagai guru baharu di Maktab Rendah Kebangsaan di bawah bimbingan Allahyarham Cikgu Ibrahim Hassan. Berkat bimbingan beliau dan tunjuk ajar guru-guru Bahasa Melayu dari maktab-maktab rendah yang lain, kemahiran mengajar dipupuk dan diasah serta sikap keguruan dibentuk.

Setelah tamat pengajian ijazah sarjana pertama secara sambilan dalam bidang Pengajaran Bahasa Melayu di NIE pada tahun 2009, saya memburu ilmu dan menimba pengalaman dengan berkhidmat sebagai Pegawai Perancangan dan Pembangunan Kurikulum di Unit Bahasa Melayu, Divisyen Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD) di Kementerian Pendidikan Singapura.

Pada 2011, saya dilamar Maktab Rendah Innova (IJC) untuk menjadi Pegawai Pembangunan Staf Sekolah, dan setahun kemudiannya bertukar jawatan kepada Ketua Jabatan Bahasa Ibunda, serta guru bertanggungjawab atas Program Bahasa Elektif (Bahasa Melayu) atau MLEP. Tumpuan diberikan kepada pembentukan keupayaan pemikiran dan melatih pelajar untuk berfikir dengan kritis sehinggalah terbina tabiat berfikir yang berstruktur.

Pada akhir tahun 2014, saya dianugerahi Biasiswa Pascasiswa Kementerian Pendidikan Singapura untuk memburu ijazah Sarjana Kesusasteraan dalam bidang Penilaian Pendidikan (Educational Assessment) di Institut Pendidikan di Universiti Kolej London (IOE, UCL).

Setelah tamat pengajian saya pada tahun 2016, saya dilamar oleh Pejabat Program Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB). Maka bermulalah satu pengalaman baharu sebagai Pegawai Kanan Projek di LKYFB. Selain menguruskan projek kedwibahasaan, saya juga bertanggungjawab untuk menyemai minat dan mendorong individu atau organisasi yang berminat atau berkeupayaan untuk menjalankan projek demi menggalakkan kedwibahasaan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah khususnya, masyarakat Singapura amnya.

Setelah tamat 2 setengah tahun bersama LKYFB, saya diterima masuk ke Sekolah Menengah Springfield sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu pada tahun 2019. Maka bermulalah satu lagi fasa menarik dalam sejarah keguruan saya. Selama ini, saya tidak pernah mengajar di peringkat sekolah menengah. Maka, pengalaman ini memaksa saya untuk membuat refleksi kendiri secara mendalam dan melakukan perubahan-perubahan besar demi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Perubahan-perubahan yang dilakukan bukan sahaja pada tahap peribadi tetapi juga pada peringkat sistem. Dari sudut sistem, pengajaran dan pembelajaran berprinsipkan sesuatu yang autentik dan relevan serta kontekstual. Semua ini dimanifestasikan dalam bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, pedagogi pengajaran serta penilaian pembelajaran. Seperkara lagi, pembangunan kekaryawanan guru unit Bahasa Melayu menjadi keutamaan. Maka, sesi perkongsian diadakan dan kursus-kursus kendalian Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Akademi Guru-guru Singapura dikenal pasti dan dihadiri.

## Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Pendidikan merupakan sesuatu yang dinamik. Meskipun sudah lebih 2 dekad mengajar, namun setiap kohort dan setiap kelas berbeza cabarannya. Sepanjang kerjaya saya sebagai seorang guru, terdapat dua cabaran besar yang saya hadapi (di Maktab Rendah Innova dan di Sekolah Menengah Springfield). Cabaran dan langkah-langkah yang saya ambil terungkai dalam pantun-pantun yang berikut:

Lain lubuk lain ikan  
Joran dipilih mesti bersetujuan  
Berkiblatkan templat dalam pengajaran  
Langkah pertama menuju kegagalan  
  
Biar diikut resmi padi  
Semakin condong apabila berisi  
Menimba ilmu meningkatkan diri  
Refleksi kendiri penyambung misi  
  
Kapal besar dibawa belayar  
Dipukul ombak kelasi bergayut  
Lama sudah tidak mengajar  
Pendekatan gagal pelajar hanyut  
  
Besar sungguh bangunan sekolah  
Tersergam indah gagah berdiri  
Dulu di maktab sekarang di menengah  
Penyesuaian diri meragut motivasi

Kini, setelah dua tahun berhijrah ke peringkat sekolah menengah, cabaran yang saya hadapi dua tahun lepas bukan lagi masalah yang menghantui diri saya. Secara tuntas, prinsip pengajaran yang mendasari pendekatan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Springfield boleh difahamkan melalui bait-bait yang berikut:

Masa dirancang biarlah bertepatan  
Agar pelajar tiada tentang  
Pendekatan autentik, kontekstual dan relevan  
Menjadi asas segala rancangan

Minda diasah membentuk diri  
Bahasa digunakan untuk berbicara  
Tugasan kontekstual pemangkin motivasi  
Alah bisa tegal biasa

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Sukar untuk disenaraikan detik-detik manis dalam kerjaya saya inikan pula perlu memilih satu yang termanis. Kalau lauh perlu dipilih, saya rasa pengalaman mengajar di Maktab Rendah Innova (IJC) tersenarai antara yang teratas.

Di IJC lah saya belajar menjadi guru mursyid. Setelah 3 tahun tidak masuk ke bilik darjah, dan sebelum ini pula mengajar di Maktab Rendah Kebangsaan yang mempunyai jumlah pelajar Melayu yang lebih rendah dan pencapaian akademik yang berbeza, tentunya kali ini kekaryawanan saya teruji. Saya mula belajar menjadi guru kembali. Refleksi kendiri dan maklum balas pelajar menjadi asas peningkatan kekaryawanan saya. Setelah banyak berbincang dengan para belajar dan memahami demografi serta cara pembelajaran pelajar-pelajar saya, saya mula melakarkan kaedah pengajaran yang bersesuaian agar dapat meningkatkan keupayaan berfikir secara kritis serta memupuk tabiat berfikir dalam diri mereka dan saling membantu. Pengalaman mengalami perkembangan dalam diri pelajar-pelajar saya ini tentunya sesuatu yang meninggalkan kesan mendalam dalam diri saya. Mereka berupaya berfikiran kritis dan akhirnya menjadi pelajar atau mahasiswa yang berkeupayaan, mendahagakan ilmu dan tidak berhenti membrurunya serta saling menyokong sesama kawan. Saya juga banyak belajar daripada mereka. Buku nota maklum balas yang ditulis mereka benar-benar membantu saya dalam meningkatkan kekaryawanan saya.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Pastinya semua guru mengharapkan agar pelajar-pelajar mereka menjadi insan yang kamil. Saya juga tidak terkecuali. Saya harap pelajar-pelajar saya menjadi insan yang berupaya berdikari dan memanfaatkan ilmu untuk kebaikan diri sendiri dan orang lain. Saya berharap agar mereka tidak jemu memburu ilmu, mempunyai keseimbangan holistik (mental, fizikal dan emosi dan rohani) dan sentiasa mempunyai kesantunan dalam perinteraksian. Saya berharap agar mereka hidup berpaksikan nilai dan akal budi, prihatin akan keadaan sekeliling dan mencari peluang untuk berbakti mengikut keupayaan peribadi.

Di samping itu, sebagai seorang guru yang memimpin guru-guru lain, saya berharap agar rakan-rakan guru bukan sahaja mempunyai nilai-nilai guru yang mursyid tetapi juga mempunyai sifat kekaryawanan yang terpuji.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Bagi saya, pengertian Arif Budiman terungkai di bawah ini.

Sikap berhemah pemikiran berhikmah

Kesantunan terjaga, bijak sentiasa

Berjasa berbakti kepada semua

Akal budi teguh selamanya

Hidup berjasa kepada semua

Tanpa mengira ras ataupun apa

Ilmu diburu setiap masa

Manfaatkan diri dan orang sekelilingnya



## Kategori Teladan

Penerima



**Cikgu Zulhafiz Bin Zainal**  
Sekolah Menengah Woodlands Ring

# **Cikgu Zulhafiz Bin Zainal**

Sekolah Menengah Woodlands Ring

## **Pengalaman Mengajar**

Tahun ini merupakan tahun kesepuluh saya dalam dunia pendidikan. Saya mula berjinak-jinak dalam dunia pendidikan sebagai seorang guru sambilan pada awal tahun 2009. Pada ketika itu, saya baru sahaja selesai pendidikan GCE Peringkat 'A'. Sebelum menjalani perkhidmatan negara, saya telah ditawarkan untuk menjadi seorang guru sambilan Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Teck Whye selama tiga bulan. Saya masih ingat kali pertama saya mengajar sebuah kelas di sana – sungguh mencabar bagi seseorang yang langsung tiada pengalaman mengajar, tetapi cukup untuk meyakinkan saya untuk menjadi seorang guru.

Selepas selesai tempoh perkhidmatan negara, saya meneruskan usaha untuk mengenali bidang pendidikan dengan menerima tawaran untuk mengajarkan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Montfort selama tiga bulan. Pada mulanya, saya berasa agak kekok dan asyik tertanya-tanya sama ada saya berupaya menjadi seorang pendidik Bahasa Melayu yang berkesan. Di bawah bimbingan Cikgu Nora, Ketua Jabatan Bahasa Melayu pada ketika itu, saya telah berjaya meraih pengalaman yang sungguh bermanfaat. Saya bertekad untuk mengubah haluan kerjaya saya sedikit. Akhirnya, saya mengambil keputusan untuk mengajarkan Bahasa Melayu.

Pada awal tempoh kerjaya, saya mengajar di sekolah rendah. Saya pernah mengajar di Sekolah Menengah Evergreen sebagai guru kontrak. Semasa mengikuti kursus perguruan, saya menjalani pengajaran amali di Sekolah Rendah Admiralty. Setelah itu, saya bertugas di Sekolah Rendah Woodgrove sebagai guru tetap. Sebagai seorang guru sekolah rendah, satu perkara yang paling menambat hati saya merupakan perwatakan para pelajarnya yang sungguh comel dan ikhlas. Hingga kini, saya masih mengingati mereka. Saya cukup berbangga kerana saya masih dapat mengekalkan hubungan dengan mereka hingga kini.

Perjalanan saya sebagai guru sekolah rendah berakhir apabila saya melanjutkan pembelajaran ke peringkat sarjana muda. Saya menjalani latihan pengajaran di Sekolah Menengah Woodlands Ring pada tahun 2016. Saya sungguh berbesar hati sewaktu mengajar di sana kerana guru-guru di sana semuanya baik-baik. Mereka mengingatkan saya tentang semangat dan kewibawaan guru-guru di Sekolah Rendah Woodgrove. Dengan bimbingan guru-guru di sana (Cikgu Memymiswati, Cikgu Faizal, Cikgu Adnan & Cikgu Zuliana), saya telah berjaya menyesuaikan diri dengan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Para pelajar di sana juga sangat peramah dan mendukung nilai-nilai yang positif. Ini menyebabkan saya gemar mengajar di sana.

Kini, saya masih mengajar di Sekolah Menengah Woodlands Ring. Saya juga menyandang jawatan Ketua Kemaslahatan Guru (SWBC). Saya berharap akan terus diberikan peluang untuk mendalami ilmu dan pengalaman sebagai seorang guru sekolah menengah.

## Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Cabaran terbesar yang saya alami sebagai seorang guru Bahasa Melayu merupakan penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu yang semakin merosot dalam kalangan pelajar saya. Bagi saya, sukar rasanya untuk meyakinkan mereka bahawa bahasa Melayu ini penting dan akan terus kekal relevan. Dengan peralihan zaman dan fokus yang menyerlah terhadap dunia barat, cabaran ini semakin besar bagi saya. Lantaran itu, untuk menangani masalah ini, saya berusaha untuk menunjukkan kerelevanannya bahasa Melayu dengan memberi mereka contoh sebenar di mana bahasa Melayu itu memainkan peranan yang penting dalam perniagaan, politik dan sebagainya. Saya juga menjemput bekas pelajar saya ke dalam kelas untuk berkongsi dengan para pelajar tentang kesan positif bahasa Melayu terhadap diri mereka. Dengan pendedahan sedemikian, saya cuba meyakinkan mereka tentang kepentingan Bahasa Melayu dan menyemai benih-benih motivasi dalam diri mereka untuk terus meningkatkan kemahiran berbahasa.

Sebagai seorang guru pula, saya rasa cabaran yang terbesar merupakan amanah sebagai seorang guru dengan tugas-tugas yang pelbagai. Pada mulanya saya berpendapat bahawa tugas seorang guru ini hanyalah terbatas di dalam bilik darjah, tetapi kenyataannya jauh berbeza dengan perkara yang saya bayangkan. Seorang guru itu wajib memainkan peranan sebagai pembimbing, kaunselor, penggubal soalan peperiksaan, perancang pengajaran, ahli jawatankuasa ad hoc sekolah, pegawai keselamatan dan banyak lagi. Kadangkala memang penat apabila memikirkan tentang tugas-tugas yang pelbagai ini. Namun demikian, saya selalu mengingatkan diri saya tentang niat asal saya menjadi seorang guru, iaitu untuk mendidik generasi akan datang demi kebahagiaan dan kesenangan kita bersama.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Detik paling manis bagi saya adalah apabila pelajar saya mengambil berat tentang kemaslahatan saya sebagai seorang individu, sebagaimana saya juga mengambil berat tentang diri mereka.

Bagi kelas Menengah 4NA yang telah saya ambil sejak saya mula mengajar di Sekolah Menengah Woodlands Ring, kami telah melalui banyak kenangan indah bersama. Saya teringat satu peristiwa ketika mereka meminta saya pergi ke kantin kerana ingin ‘memberi saya sesuatu’ sewaktu musim peperiksaan. Apabila saya sampai di sana, saya cukup terharu apabila mereka sekelas telah memberikan sekotak pizza peribadi serta sebotol air teh limau buat saya. Kata mereka, mereka perasan bahawa saya sangat sibuk sewaktu musim tersebut. Mereka khuatir saya akan mengabaikan makan minum saya. Lantas, mereka telah ‘memaksa’ saya untuk makan bersama mereka.

Kelompok ini jugalah antara kelompok yang pernah mengejutkan saya dengan sebiji kek hari lahir sewaktu saya sedang mengajar, menuliskan saya kad-kad peribadi serta menghadiahinya barang-barang bertemakan adiwira “The Flash” kerana mereka tahu saya penggemar adiwira tersebut.

Detik ini membuktikan kepada saya bahawa pelajar kita mengidamkan seorang individu yang berusaha untuk menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka, bukan sahaja seorang pemberi ilmu yang mementingkan kejayaan akademik.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Sebagai seorang guru, saya sangat-sangat berharap agar anak didik saya membesar sebagai individu yang berjaya bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga kukuh dalam nilai dan keperibadian mereka. Bagi saya, ini penting kerana, kejayaan seorang guru bukan sahaja tertakluk kepada keputusan cemerlang pelajar tetapi juga melalui nilai dan keperibadian positif seseorang yang mencerminkan jati diri Melayunya. Saya meletakkan harapan yang tinggi buat diri mereka kerana saya pasti mereka berpotensi untuk melangkah jauh dalam melayari bahtera kehidupan.

Saya berharap untuk menjadi pembakar semangat guru-guru di sekeliling saya agar mereka terus meningkatkan kemahiran dan bermotivasi dalam bidang pendidikan, serta menjadi pendidik berpaksikan pelajar.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Secara dasarnya, Arif Budiman itu merupakan konsep yang merujuk kepada seseorang individu yang berilmu serta mempunyai semangat yang berkobar-kobar untuk berjasa kepada masyarakat.

Namun bagi saya, individu ini mestilah seseorang yang sentiasa merendah diri, tidak pernah jemu menimba ilmu untuk mempertingkatkan dirinya dan menjadi seseorang yang berusaha untuk mendorong orang-orang di sekelilingnya ke arah kebaikan.



TikTok  
@dynamickeybits

# Kategori Perangsang

Finalis



**Cikgu Mardhiah Binti Mohamed Said**  
Sekolah Menengah Anderson

# **Cikgu Mardhiah Binti Mohamed Said**

Sekolah Menengah Anderson

## **Pengalaman Mengajar**

Pengalaman saya mengajar dalam Program Pertuturan Bahasa Melayu (Conversational Malay) telah mencetuskan minat saya untuk menceburi bidang perguruan. Saya telah menerima tawaran mengajar di beberapa buah sekolah rendah dan menengah sementara menunggu keputusan Peperiksaan GCE Peringkat 'A'. Pengalaman itu telah mengorak langkah saya untuk mengikuti pengajian Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa dan Kesusastraan Melayu) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) sebelum mula mengajar di Sekolah Menengah Anderson sebagai guru bertauliah pada tahun 2012.

Sebagai bekas pelajar Sekolah Menengah Anderson, saya berasa teruja kerana diberikan peluang untuk berkhidmat dan berbakti bersama guru-guru yang amat saya sanjungi. Berkat tunjuk ajar mereka, saya telah mempelajari selok-belok kerjaya ini dan meningkatkan keterampilan saya sebagai seorang guru. Saya berpeluang untuk mengajarkan subjek Bahasa Melayu di peringkat dan aliran yang berbeza. Selain itu, saya juga mengajarkan subjek Kesusastraan Melayu Elektif sejak tahun 2015. Saya percaya bahawa pembelajaran bahasa dan kesusastraan Melayu harus mempunyai matlamat untuk meluaskan pandangan dunia pelajar. Justeru, dengan melibatkan pelajar dalam program membaca akhbar dan menerapkan rutin berfikir, pelajar dilatih untuk memperdalam kemahiran berfikir secara kritis dan meluaskan kosa kata.

Selaku penyelaras subjek Bahasa Melayu, saya bertanggungjawab untuk membimbing guru-guru untuk memikirkan matlamat subjek dan mengenal pasti pedagogi dan kaedah yang baik untuk menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu di Anderson lebih bermakna dan berkesan. Untuk mencapai matlamat itu, saya telah membimbing guru-guru dalam usaha melaksanakan satu kajian penyelidikan.

Sebagai salah sebuah sekolah yang terpilih untuk menawarkan program Elektif Bahasa Melayu (EMAS) dan Program Elektif Bahasa Melayu (MLEP), saya dan guru-guru lain turut terlibat dalam proses pelaksanaan program-program inisiatif pihak MOE. Saya dan guru-guru di sekolah bekerjasama untuk menyokong program-program ini di samping merancang dan membina program berasaskan sekolah seperti program Dwiminggaun Bahasa Ibunda serta program pengayaan untuk pelajar-pelajar aliran Normal Akademik dan Normal Teknikal.

Selain itu, saya juga bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal dan kemaslahatan para pelajar pemegang biasiswa (Scholars) dari negara Cina dan Indonesia. Saya harus mengambil peranan sebagai waris kepada pelajar-pelajar ini yang tinggal jauh daripada ibu bapa mereka selama 2 tahun. Saya juga melibatkan diri dalam Kegiatan Kokurikulum Pandu Puteri dan telah bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan persatuan itu. Tanggungjawab sekolah yang lain termasuk menjadi seorang Guru Kelas sebuah kelas menengah 3. Sebagai Guru Kelas, saya ditugaskan untuk memantau perkembangan holistik pelajar dan berkomunikasi dengan ibu bapa. Saya juga berkesempatan untuk menjadi guru pembimbing kepada beberapa orang guru pelatih Bahasa Melayu yang dihantar ke sekolah saya.

Pada tahun 2018, saya telah melanjutkan pengajian saya di peringkat Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu). Semasa pengajian itu, saya berpeluang untuk membuat pembentangan kertas kerja bersama dua orang rakan sekelas di Medan, Indonesia. Pengalaman-pengalaman ini telah mempertingkatkan keyakinan saya untuk terus berjuang dalam bidang pendidikan.

## Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Kehidupan seseorang yang bergelar guru pasti tidak sunyi daripada ujian dan cabaran; apatah lagi menghadapi cabaran dunia yang pesat berubah. Antara cabaran utama yang saya hadapi sepanjang kerjaya saya ialah cabaran membentuk generasi yang melihat bahasa Melayu sebagai bahasa yang relevan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pelajar kurang melihat kepentingan bahasa Melayu kerana mereka tidak lagi menggunakan di rumah atau dalam perbualan sehari-hari bersama ibu bapa dan rakan-rakan. Pelajar kian melihat bahasa Melayu sekadar mata pelajaran semata-mata.

Oleh itu, saya berasa bertanggungjawab untuk mengajarkan kepentingan bahasa Melayu secara eksplisit di dalam kelas. Pelajar akan menjadi lebih sedar tentang kepentingan bahasa ibunda mereka dan situasi yang kita hadapi sekarang dengan adanya pengajaran sedemikian. Saya yakin bahawa kebanyakan guru Bahasa Melayu berdepan dengan masalah yang sama. Oleh itu, kerjasama pelbagai pihak sangat dialu-alukan untuk menyemarakkan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam masyarakat kita.

Tugas guru untuk mendidik dan membentuk sahsiah pelajar juga menjadi semakin mencabar kerana wujudnya ketidaktentuan dan perubahan. Justeru, seorang guru perlu memberikan tumpuan kepada aspek kemanusiaan dan memupuk jati diri pelajar yang kukuh supaya mereka bersedia menghadapi cabaran masa depan. Cabaran guru masa kini bukan sahaja berkisar pada aspek akademik, malah mereka juga harus mencorak masa depan pelajar. Seorang guru harus memahami keadaan di dalam dan di luar negara serta bersedia untuk menangani isu semasa seperti perkauman dan kesihatan mental. Pendek kata, guru harus bersedia untuk mendakap cabaran dan bersikap anjal untuk terus menerapkan nilai-nilai kearifan dan budiman dalam diri anak didik kita.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Salah satu detik manis dalam kerjaya saya ialah pengalaman melihat pelajar bekerjasama untuk mementaskan sebuah sketsa untuk acara ‘Dari Pena ke Panggung’ pada tahun 2019. Saya berasa bahagia melihat pelajar menengah 2 dan 3 bersama guru-guru Anderson bekerjasama untuk mementaskan cerpen ‘Tika Aksara Menari’ daripada teks Pahlawan Panggung. Setelah menghasilkan skrip dan berlatih selama beberapa minggu, pelajar-pelajar ini telah menunjukkan nilai kerjasama dan daya bingkas yang sangat memberangsangkan. Bakat mereka mengubah lagu, bernyanyi dan berlakon menjadi perbualan ramai setelah pementasan itu berakhir. Malah, ada guru dari sekolah lain juga berkongsi bahawa pelajar-pelajarnya tidak dapat melupakan lagu yang didendangkan pelajar saya semasa pementasan tersebut. Pengalaman manis bergotong-royong ini akan sentiasa terpahat di hati saya.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Saya berharap agar penggunaan bahasa Melayu akan dimakmurkan dalam kalangan generasi kini dan akan datang. Bahasa Melayu seharusnya menjadi sebahagian daripada kehidupan yang harus diserap dan dihayati. Tanpa bahasa ibunda, hilanglah pandangan dunia dan jati diri yang terkait dengan bahasa kita. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, saya berharap agar saya dapat terus menyemai cinta dan cita untuk mewujudkan masyarakat yang bangga akan bahasa dan budayanya.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Seseorang yang mencerminkan keperibadian Arif Budiman ialah seseorang yang berilmu dan berbakti kepada masyarakat. Visi Arif Budiman ini merupakan matlamat bagi setiap pelajar yang melalui pendidikan Bahasa Melayu di Singapura. Pada pandangan saya, pelajar yang memaparkan nilai kearifan bukan sahaja berupaya menguasai bahasa Melayu, malah, mereka juga diharapkan dapat mencerminkan kecekapan melangkaui pembelajaran bahasa Melayu. Nilai kearifan boleh sahaja diterapkan anak didik kita dalam pelbagai bidang yang diceburinya. Di samping itu, nilai budiman pula meneliti konsep budi bicara yang sopan santun, beradab dan keupayaan pelajar melahirkan pemikiran yang cerdas. Justeru, visi ini menggariskan bahawa anak didik kita akan menjadi insan yang akan menabur bakti dan berkhidmat kepada masyarakat setelah melalui sistem pendidikan di Singapura. Mereka juga diharapkan dapat terus menyumbang dan menzahirkan rasa keprihatinan terhadap negara



# Kategori Perangsang

*Finalis*



**Cikgu Nur Shiqah Binte Hashim**  
Sekolah Menengah Queenstown

# **Cikgu Nur Shiqah Binte Hashim**

Sekolah Menengah Queenstown

## **Pengalaman Mengajar**

Saya memulakan kerjaya guru di Sekolah Menengah Queenstown pada tahun 2014.

Seperti sekolah-sekolah di merata Singapura, kami juga mengalami isu pelajar-pelajar yang kurang yakin dalam penggunaan bahasa Melayu. Ada yang kurang berminat untuk meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Untuk itu, kami cuba memberikan suntikan humor di dalam kelas melalui pengaplikasian unsur-unsur sastera di dalam bilik darjah. Aktiviti sastera seperti menulis puisi, mempelajari teknik drama dan lakonan dapat menarik perhatian pelajar. Kami mendapati bahawa melalui teknik drama, kami dapat melatih pelajar untuk menggunakan unsur bahasa, intonasi suara dan mimik muka bagi merangsang pemikiran mereka dan juga meningkatkan minat mereka. Contohnya, kami memulakan pelajaran dengan mendapatkan pelajar-pelajar untuk melakukan aktiviti-aktiviti seperti Objek 10 Saat atau Potret Keluarga. Ini memberikan peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan penggunaan bahasa dalam konteks yang tidak formal dan dapat bersuka ria bersama teman di dalam kelas. Selalunya, mereka menjadi lebih konfiden untuk berbual di dalam kelas dan tidak berasa malu-malu. Teknik drama ini dapat mendorong pelajar untuk menghubungkan perasaan mereka dengan mata pelajaran yang dipelajari. Selain itu, teknik ini memberikan peluang kepada pelajar untuk meluahkan sesuatu, membuat penemuan dan berkongsi sesuatu idea. Dengan ini, pelajar akan menghargai kerelevan bahasa Melayu yang selari dengan perkembangan dunia.

Selain itu, saya juga akan memastikan agar suasana kelas Bahasa Melayu selamat dan santai. Pelajar perlu berasa selamat untuk menggunakan bahasa itu bersama rakan dan guru. Saya juga cuba untuk menyelitkan elemen permainan seperti menggunakan kad permainan Bijak Bahasa Bestari Budaya dan memperkenalkan sajak dan puisi yang indah. Apabila minat mula terputik, saya akan mendorong pelajar untuk cuba melibatkan diri dalam pertandingan bahasa. Elemen persaingan ini membantu pelajar untuk belajar di luar konteks bilik darjah dan mendorong mereka untuk melakukan yang terbaik. Dari situ, minat pelajar ini semakin mendalam.

Saya juga salah seorang guru dalam program GEAR Up, atau lebih dikenali sebagai *The Guiding & Empowering students for Affiliation and Resilience to Unlock their Potential* (Gear-Up) programme. Para guru menjadi mentor kepada pelajar-pelajar yang dikenal pasti dapat meraih manfaat melalui penglibatan dalam program ini. Banyak cabaran yang kami alui kerana pelajar yang dikenal pasti untuk program ini kebanyakannya pelajar yang datang daripada latar belakang yang mencabar. Kami cuba untuk membentuk keyakinan pelajar daripada seperti sukan sepak takraw, memasak dan juga muzik. Akhirnya, mereka berasa lebih konfiden dan lama-kelamaan lebih dekat dengan sekolah. Kedatangan ke sekolah juga semakin baik.

## Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Cabaran yang paling ketara adalah menghadapi pelajar yang tidak fasih berbahasa Melayu yang ternyata juga lemah dalam menguasai bahasa kita. Ada pelajar yang gagal dalam subjek Bahasa Melayu semasa di sekolah rendah. Sejak dari awal lagi, mereka seakan-akan sudah meletakkan tanda pangkah pada subjek ini dan tidak menunjukkan terhadapnya langsung. Di sekolah pula, kami akan sedaya upaya membimbang pelajar itu untuk menggunakan bahasa Melayu. Kecekapan komunikatif akan dititikberatkan untuk meningkatkan keyakinan pelajar. Sering kali, guru perlu menjadi penterjemah bagi sesetengah pelajar untuk membantu mereka supaya menjadi lebih konfiden. Ada masanya, kami perlu mencapai satu persefahaman bersama pelajar dan ibu bapa mereka akan pentingnya mereka mencuba untuk menggunakan bahasa Melayu terutamanya di rumah.

Profil pelajar yang rencam di bilik darjah juga antara cabaran yang kami hadapi. Ada pelajar yang cemerlang dan ada yang amat lemah. Semasa pengajaran, kami perlu memastikan bahawa tidak ada pelajar yang ketinggalan. Pengaplikasian Pengajaran Pembezaan (DI) sangat penting.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Sebelum COVID-19, saya cuba mencari peluang untuk mengajak pelajar untuk melakukan aktiviti yang bersangkutan dengan bahasa Melayu di luar sekolah. Antaranya seperti mengambil bahagian dalam pertandingan atau menonton pementasan. Saya rasa seronok apabila mendapati abahaha ada pelajar saya yang mencari masa untuk menonton pementasan Melayu di luar waktu sekolah.

Saya juga antara guru yang menyelaraskan Program Dwimingguan Bahasa Ibunda antara bahasa Cina, Melayu dan Tamil. Melalui penglibatan saya dalam program ini, ia mendedahkan saya kepada masalah yang dihadapi oleh setiap guru bahasa. Dengan itu, program ini memberikan peluang kepada kami untuk memikirkan cara-cara terbaik untuk menghidupkan lagi bahasa dan budaya kita. Dengan itu, kami mengadakan elemen permainan bertemakan kaleidoskop agar dapat kami memberikan makna kepada bahasa dan budaya kita yang berwarna-warni dan silih berganti. Para pelajar boleh memilih mana-mana aktiviti yang diminati oleh mereka dan melibatkan diri dalam masa 2 minggu itu. Melalui program tersebut, pelajar menghasilkan wau, lukisan batik dan makanan Melayu, iaitu roti jala. Pada hari terakhir, kami mengadakan Fiesta untuk menyemarakkan lagi pembelajaran bahasa semasa waktu rehat mereka. Melihat pelajar melibatkan diri secara aktif dengan semangat yang berkobar-kobar itu membuat saya terdorong untuk meneruskan usaha ini

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Harapan saya adalah untuk membina generasi yang arif bahasa, arif budaya, arif nilai, arif ilmu, berbudi pekerti dan baik budi bicara. Saya ingin melihat anak didik saya membesar dan belajar daripada setiap cabaran yang dilalui oleh mereka. Kadangkala, nasihat yang diberikan semasa mereka berada di sekolah menengah mungkin masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Tetapi mereka mungkin akan teringat akan nasihat-nasihat itu apabila mereka dewasa kelak. Yang paling utama adalah agar mereka dapat berbakti kepada masyarakat. Adalah lebih baik jika pelajar saya sendiri akhirnya beriltizam untuk mempertingkatkan status bahasa Melayu dalam bidang pilihan mereka sendiri.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Seorang individu yang Arif Budiman ialah seseorang cendekia yang sentiasa cuba memperbaik diri supaya dapat terus berbakti kepada masyarakat, terutamanya amanah kita iaitu anak didik kita. Dengan rasa yang teramat sayang terhadap bahasa dan budaya Melayu, kita dapat terus menyampaikan amanah ini dengan tulus.

Arif Budiman juga merupakan seseorang yang dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat Melayu yang unggul dan cemerlang.



# Kategori Teladan

*Finalis*



**Cikgu Abdul Khalik Bin Saidin**  
Sekolah Rendah Zhangde

# **Cikgu Abdul Khalik Bin Saidin**

Sekolah Rendah Zhangde

## **Pengalaman Mengajar**

Titik mula kerjaya saya sebagai seorang pendidik bermula pada tahun 1998 apabila saya telah diberikan peluang untuk mengajar subjek Bahasa Melayu sebagai guru sandaran di Sekolah Menengah Juying. Tidak pernah terlintas di benak fikiran saya untuk menjadi seorang pendidik kerana saya lebih cenderung dalam bidang perakaunan. Pengalaman mengajar di sekolah menengah selama lima bulan itu telah menimbulkan detik-detik cinta untuk menjadi seorang pendidik. Saya mula memohon kerjaya perguruan dan diberikan peluang untuk berkhidmat sebagai seorang guru kontrak di Sekolah Rendah Merlimau pada tahun 1999. Saya rasa bertuah kerana saya mendapat bimbingan guru-guru mapan di sana dan secara tidak langsung, pengalaman tersebut telah memberi saya satu kepastian bahawa kerjaya inilah yang akan menentukan kehidupan saya. Saya bertekad untuk meneruskan perjuangan ini dengan menyertai kursus Diploma dalam Pendidikan di Institut Pendidikan Nasional (NIE).

Kerjaya tetap saya sebagai seorang pendidik bermula di Sekolah Rendah Corporation pada tahun 2001. Pengalaman telah mendewasakan saya. Saya lebih matang untuk mengharungi pelbagai onak dan duri sebagai seorang pendidik. Pada tahun 2005, saya telah diberikan kepercayaan untuk mengetuai Jabatan Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT) sebagai Ketua Subjek. Setelah berkhidmat sebagai Ketua Subjek selama setahun setengah, saya masih dahagakan ilmu pengetahuan. Saya melanjutkan pengajian di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Selepas tiga tahun di rantauan, saya pulang dengan segulung Ijazah dalam Pengajian Melayu. Pada saat itu, saya telah diberikan peluang untuk berkhidmat di Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD) oleh pihak Kementerian Pendidikan sebagai seorang pegawai perancang kurikulum. Di bawah bimbingan pakar kurikulum, saya lebih maklum tentang pembinaan dan semakan kurikulum sekolah. Pendedahan di CPDD selama hampir lima tahun juga telah banyak membantu saya untuk mengenali erti ‘melihat dari sudut yang berbeza’.

Kini, saya telah meneruskan perjalanan kerjaya saya di Sekolah Rendah Zhangde (ZPS) sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda. Di ZPS, saya berasa amat bertuah kerana diberikan peluang untuk bekerjasama dengan guru-guru yang berpotensi dan berdedikasi untuk berkhidmat demi para pelajar. Kami sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik untuk para pelajar. Kemaslahatan para pelajar menjadi keprihatinan kami. Selain keutamaan para pelajar, saya juga akan memanfaatkan pengalaman yang telah saya perolehi selama ini untuk membimbing guru-guru saya. Bagi saya, mereka yang akan meneruskan usaha dan perjuangan saya selama ini. Kami bertindak sebagai sebuah pasukan.

## **Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya**

Kerjaya sebagai seorang pendidik memang sangat mencabar. Tugas seorang pendidik bukan setakat menyampaikan ilmu bahasa Melayu bahkan juga menyemai nilai-nilai murni, menguruskan kebajikan, mengawal pergaulan sosial dan mengawasi emosi para pelajar. Bagi saya, tugasan mencabar seperti inilah yang sering dilalui setiap pendidik masa kini. Saya juga tidak terkecuali.

Falsafah saya sebagai seorang pendidik berputik sewaktu saya mula mengajar pada tahun 1999 iaitu 'untuk mengubah kehidupan para pelajar saya menerusi pendidikan yang sempurna'. Pada waktu itu, banyak cabaran yang saya hadapi untuk memastikan para pelajar saya menghadiri kelas agar mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran. Banyak usaha telah dilakukan seperti melawat ke rumah mereka, menerangkan pentingnya pendidikan kepada ibu bapa, menyediakan kos pembelanjaan pelajar, memberikan bantuan kemasyarakatan dan mengadakan bengkel untuk ibu bapa. Segala kebajikan pelajar telah ditepati agar pelajar kembali ke sekolah. Usaha-usaha seperti itu sangat berbaloi walaupun hanya 30 peratus pelajar kembali ke sekolah. Itu satu kejayaan bagi diri saya.

Sehingga sekarang, falsafah saya tidak berubah dan tidak mungkin akan berubah kerana saya masih menghadapi profil pelajar yang sama di sepanjang kerjaya saya. Usaha yang sama juga telah sayakekalkan tetapi dengan cara berbeza sedikit. Kini, bukan setakat melawat ke rumah mereka setiap pagi tetapi saya akan memastikan pelajar tersebut dibawa ke sekolah bersama saya. Di sekolah, saya akan memberikan motivasi dan ganjaran kepada pada setiap pelajar yang hadir ke sekolah. Rakan pelajar juga diberikan tanggungjawab dan ganjaran jika mereka dapat mendorong rakan mereka untuk ke sekolah. Dengan kehadiran para pelajar di sekolah, saya dapat memastikan pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu dapat diteruskan.

## **Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru**

Sepanjang kerjaya sebagai guru, sudah pasti banyak kenangan manis yang telah saya nikmati. Namun, detik yang paling manis merupakan saat apabila pelajar saya telah memuat naik bahan di media sosial tentang diri saya. Dia merujuk saya sebagai guru contoh dan menjadi sumber inspirasi kepadanya untuk mengejar cita-citanya sebagai seorang guru suatu hari nanti. Dalam pos di media sosialnya ada mengatakan cara saya mendorongnya untuk menyertai peraduan bahasa Melayu dan sebab sayalah, dia sentiasa teruja untuk menghadiri kelas Bahasa Melayu. Dia juga ingin menjadi seorang guru seperti saya dan mengajarkan subjek kegemarannya iaitu Bahasa Melayu. Komen seperti ini yang mendorong saya untuk terus berkhidmat dan berbakti kepada semua pelajar.

## **Harapan Sebagai Seorang Guru**

Setiap kali saya masuk ke dalam kelas, saya mengharapkan para pelajar berasa seronok mengikuti pengajaran saya. Pada setiap pembelajaran Bahasa Melayu, ada terselit nilai-nilai murni, kebudayaan Melayu dan juga dorongan kejayaan kepada para pelajar. Keseronokan dalam bertukar-tukar pendapat, berjenaka sewaktu menggunakan contoh ayat dan mengambil berat tentang kebijakan pelajar akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada mereka. Harapan saya sebagai seorang pendidik agar keseronokan dalam pembelajaran seperti ini akan menimbulkan minat para pelajar untuk mengubah kehidupan mereka menerusi pendidikan yang sempurna.

## **Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman**

Perkataan 'Arif' merujuk kepada seseorang yang berilmu pengetahuan manakala 'Budiman' pula merujuk kepada seseorang yang berkongsi ilmu pengetahuannya. Bagi saya, pengertian 'Arif Budiman' ini lebih kepada seseorang yang sentiasa mendahagakan ilmu pengetahuan dan selalu ingin mempertingkatkan dirinya agar dapat membimbang dan memimpin masyarakat lain. Beliau juga merupakan seseorang yang berdedikasi dan bertanggung jawab atas amanah yang telah diberikan kepadanya.



# Menjunjung Budi

Jawatankuasa Pengangur AGAB 2021 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir.

1. Dr Wan Rizal Wan Zakariah  
Anggota Parliment, GRC Jalan Besar
2. Encik Zhulkarnain Abdul Rahim  
Anggota Parliment, GRC Chua Chu Kang
3. Puan Norhayati Awang  
Pengarah Pusat  
Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS)
4. Dr Norshahril Saat  
Pengerusi  
Yayasan Warisan Melayu
5. Dr Elmie Nekmat  
Profesor Madya  
Jabatan Komunikasi dan Media Baharu, NUS
6. Dr Sa'eda Buang  
Pensyarah Kanan  
Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE
7. Encik Daud Yusof  
Timbalan Pengarah & Penyiar Kanan  
BERITA Medicorp
8. Encik Suhaimi Mohsen  
Editor Naskah  
Berita Harian
9. Puan Noorismawaty Ismail  
Pengetua  
Sekolah Rendah Huamin
10. Puan Rasidah Rahim  
Pengetua  
Sekolah Menengah Queenstown

# Menjunjung Budi

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2021 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat saringan.

1. Cik Rezia Rahumathullah  
Naib Pengetua  
Sekolah Rendah Jing Shan
2. Puan Haslindah Bahrom  
Naib Pengetua  
Sekolah Rendah Temasek
3. Puan Hartati Osman  
Naib Pengetua  
Sekolah Menengah Chua Chu Kang
4. Encik Adam Ahmad  
Naib Pengetua  
Sekolah Menengah Northbrooks
5. Dr Roszalina Rawi  
Pensyarah  
Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE
6. Dr Kartini Anwar  
Pensyarah  
Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE
7. Cikgu Siti Faridah Omar  
Guru Pakar  
Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE
8. Cikgu Rahmat Subadah  
Guru Pakar  
Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE
9. Cikgu Rohan Nizam Basheer  
Yang Dipertua  
Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)
10. Cikgu Asnah Asrap  
Ahli  
Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM)

# Menjunjung Budi

Jawatankuasa Pengangsur AGAB 2021 mengucapkan terima kasih kepada individu yang berikut:

## **Penilai Peringkat Senarai Pendek**

- Encik Tajudin Jaffar - Pakar Utama, MOE
- Puan Haslinda Mispan - Pakar Peneraju, MOE
- Puan Pairah Satariman - Pakar Peneraju, MOE
- Cik Siti Fazila Ahmad - Pakar Peneraju, MOE

## **Ilham dan Karya Tembikar AGAB 2021**

- Encik Dexter Sim Yu Min – Sekolah Menengah Westwood

## **Dibantu oleh Guru-Guru AGAB**

- Cikgu Salina Hussin
- Cikgu Yahida Yahya
- Cikgu Haryati Surana
- Cikgu Rasidah M Rasit
- Cikgu Norafizah Shariff
- Cikgu Massuniza Ismail
- Cikgu Norazlina Abdul Jalil
- Cikgu Nur'abidah Abdul Rahman

## **Kumpulan Kerja AGAB 2021**

- Cikgu Sazali Sahri
- Cikgu Djohan Abdul Rahman
- Cikgu Norasiken Mohamed Noor
- Cikgu Azyanti Mohd Mudakir
- Cikgu Rita Zarina M Nazeer
- Cikgu Abdul Malek Ahmad
- Cikgu Roslie Buang Sidik
- Cikgu Elna Hussin

**Tenaga Kerja**

- Cikgu Ismail Ja'afar
- Encik Mohammad Kanaffi Kaspon
- Encik Muhammad Fahmi Kamaru Zaman

**Pembaca Watikah**

- Cikgu Nabilah Rashid
- Cikgu Herianti Samsudin

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penganugerahan AGAB 2021.



Berita Harian

